

NO. SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**  
**[ TUMPAT ]**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2017 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pengajaran yang diperoleh daripada keputusan Bandaraya London tidak memperbaharui perkhidmatan UBER di kota tersebut baru- baru ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Transport for London* (TfL), pada 22 September 2017 telah membuat keputusan untuk tidak memperbaharui lesen pengendali perkhidmatan *e-hailing* bagi perkhidmatan UBER. Ini kerana TfL, sebuah badan Kerajaan tempatan (*local government body*) yang bertanggungjawab menyelia perkhidmatan pengangkutan awam di *Greater London*, memutuskan bahawa UBER didapati tidak patut dan tidak sesuai (*not fit and proper*) untuk menjalankan perniagaan perkhidmatan teksi.

2. Hal ini berlaku setelah TfL berpendapat bahawa Uber menunjukkan kekurangan tanggungjawab korporat (*corporate responsibility*) berhubung dengan beberapa isu yang berpotensi memberi implikasi keselamatan (*security*) dan ketenteraman awam (*public safety*) seperti tidak mengambil berat perihal keselamatan pengguna, memandang ringan aspek kebajikan pemandu serta menggunakan perisian *Greyball* bagi mengaburi pengawasan pihak berkuasa.

3. Dalam hal ini, langkah Kerajaan Malaysia untuk menggubal peruntukan undang-undang yang khusus bagi mengawal selia perkhidmatan *e-hailing* di negara ini adalah tepat. Ini kerana setiap penyedia perkhidmatan *e-hailing* yang ingin menjalankan operasi di Malaysia perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan diadakan bertujuan untuk memastikan bahawa perkhidmatan yang

disediakan adalah berkualiti, selesa dan yang paling penting, selamat untuk digunakan.

4. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) akan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi lain berkaitan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk melaksanakan penilaian dan pengawalseliaan yang berterusan seperti siasatan latar belakang pemandu bagi memastikan aspek keselamatan pengguna diberi keutamaan.

5. Selain daripada itu, iktibar lain yang boleh diambil daripada keputusan TfL terhadap Uber di London ialah ketegasan pihak berkuasa dalam memastikan segala syarat dan arahan yang dikenakan ke atas pengendali perkhidmatan dipatuhi amat penting bagi memastikan ketelusan mereka dalam melaksanakan operasi atau perniagaan sektor *e-hailing*. Para pengendali bertanggungjawab untuk memastikan data-data yang diserahkan kepada pihak berkuasa adalah tepat dan benar dan tidak menggunakan perisian yang boleh mengganggu transaksi atau pantauan terhadap perkhidmatan *e-hailing*.

Sekian, terima kasih.